



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2
0
2
3

DIA

**STATISTIK PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA
DI LUAR NEGERI**

***STATISTICS OF MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT
ABROAD***

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI

STATISTICS OF MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD

2023

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by* :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram / Youtube : statsmalaysia
Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM20.00

Diterbitkan pada Jun 2024 / *Published on June 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2600-7142

KATA PENGANTAR

Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) di Malaysia bagi tahun 2023 disusun secara tahunan dan menyediakan statistik berkaitan pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang. Siri masa tahunan terperinci bagi tahun 2014 hingga 2023 turut dimuatkan di dalam penerbitan ini. Penyusunan statistik DIA adalah selaras dengan garis panduan dalam *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF)*.

Statistik dalam penerbitan ini memaparkan aliran bersih, kedudukan dan pendapatan yang terdiri daripada pecahan mengikut sektor utama, negara dan matriks antara sektor dan negara. Ringkasan penemuan dan jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian pertama dan kedua penerbitan ini. Sementara itu, bagi memudahkan lagi kefahaman, nota teknikal yang merangkumi skop dan liputan, konsep dan definisi dimuatkan pada bahagian akhir.

Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2024

PREFACE

Statistics on Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) for the year 2023 is compiled annually and provides statistics relating to investments in the form of financial instrument namely equity & investment fund shares and debt instruments. The Detailed annual time series for 2014 to 2023 are also included in this publication. The compilation of DIA is in accordance with the guidelines of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF).

The statistics in this publication featured net flows, position and income comprising of the breakdown by main sector, country and matrix between sector and country. Summary of findings and statistical tables are highlighted in the first two parts of this publication. Meanwhile, to facilitate better understanding, technical notes relating to the scope and coverage, concepts and definitions are provided in the final part.

These statistics could assist government agencies, economists, academicians as well as individuals for planning and formulation of policies, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges all parties concerned who have contributed in making this publication a success. All comments and suggestions towards improving future publications are appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

June 2024

ISI KANDUNGAN


CONTENTS

i	Kata Pengantar <i>Preface</i>
1	Penemuan Utama <i>Main Findings</i>
3	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>
14	Artikel <i>Articles</i>
35	Jadual <i>Tables</i>
35	Siri Masa Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA), 2001 - 2023 <i>Time Series on Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) Statistics, 2001 - 2023</i>
36	Aliran Bersih DIA Malaysia mengikut Sektor, 2022 - 2023 <i>Malaysia's Net DIA Flows by Sector, 2022 - 2023</i>
38	Aliran Bersih DIA Malaysia mengikut Rantau, 2022 - 2023 <i>Malaysia's Net DIA Flows by Region, 2022 - 2023</i>
40	Aliran Bersih DIA Malaysia mengikut Negara dan Sektor, 2022 - 2023 <i>Malaysia's Net DIA Flows by Country and Sector, 2022 - 2023</i>
42	Kedudukan DIA Malaysia mengikut Sektor, 2022 - 2023 <i>Malaysia's DIA Position by Sector, 2022 - 2023</i>
44	Kedudukan DIA Malaysia mengikut Rantau, 2022 - 2023 <i>Malaysia's DIA Position by Region, 2022 - 2023</i>
46	Kedudukan DIA Malaysia mengikut Negara dan Sektor, 2022 - 2023 <i>Malaysia's DIA Position by Country and Sector, 2022 - 2023</i>
48	Pendapatan DIA Malaysia mengikut Sektor, 2022 - 2023 <i>Malaysia's DIA Income by Sector, 2022 - 2023</i>
50	Pendapatan DIA Malaysia mengikut Rantau, 2022 - 2023 <i>Malaysia's DIA Income by Region, 2022 - 2023</i>
52	Aliran Bersih Pelaburan Portfolio di Luar Negeri mengikut Rantau, 2022 - 2023 <i>Net Flows of Portfolio Investment Abroad by Region, 2022 - 2023</i>
54	Kedudukan Pelaburan Portfolio di Luar Negeri mengikut Rantau, 2022 - 2023 <i>Portfolio Investment Position Abroad by Region, 2022 - 2023</i>
58	Jadual Siri Masa, 2014 - 2021 <i>Time Series Table, 2014 - 2021</i>
96	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

STATISTIK PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA)

“DIA Malaysia merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah RM40.6 bilion berbanding RM62.8 bilion pada 2022 .”



DIA mengikut KOMPONEN



DIA mengikut SEKTOR



DIA mengikut RANTAU UTAMA



DIA mengikut NEGARA UTAMA




Nota: 1) b merujuk kepada bilion
2) Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih
3) Sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran


Sumber: Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

STATISTICS OF MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA)


"Malaysia's DIA recorded lower net outflows of RM40.6 billion against RM62.8 billion in 2022"




DIA by COMPONENTS



DIA by TOP REGION



DIA by TOP COUNTRY




Note: 1) b refers to billion
2) Negative value refers to net outflows
3) Any difference in the aggregated data are due to rounding

Source: Statistics of Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA), Department of Statistics Malaysia (DOSM)

PRESTASI PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA)

Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM40.6 bilion pada tahun 2023 berbanding RM62.8 bilion pada tahun sebelumnya. Ini terutamanya disumbangkan oleh pelaburan yang lebih rendah dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Kedudukan DIA secara keseluruhannya meningkat kepada RM664.4 bilion berbanding RM606.8 bilion pada tahun 2022 sementara pendapatan pelaburan berkurang kepada RM41.1 bilion (2022: RM53.7 bilion).

Paparan 1: Prestasi DIA bagi Tahun 2013 – 2023




“DIA mencatatkan aliran keluar bersih RM40.6 bilion, manakala kedudukan DIA meningkat kepada RM664.4 bilion”

	(RM Bilion)		
	Aliran	Pendapatan	Kedudukan
2023	40.6	41.1	664.4
2022	62.8	53.7	606.8
2021	19.4	58.8	546.5
2020	10.2	17.9	515.1
2019	25.8	29.7	498.4

DIA mengikut Komponen

Ekuiti & dana pelaburan saham merupakan komponen utama kepada aliran keluar DIA pada tahun 2023 yang berjumlah RM43.1 bilion, penurunan sebanyak RM15.0 bilion daripada tahun sebelumnya (**Paparan 2**). Ini disumbangkan oleh suntikan modal ke luar negara, terutamanya ke Singapura, Indonesia dan Ireland. Pada masa yang sama, Instrumen hutang berubah kepada aliran masuk sebanyak RM2.5 bilion (2022: RM4.8 bilion) terutamanya disebabkan oleh pemberian pinjaman.

Pendapatan DIA mencatatkan RM41.1 bilion, terutamanya dipacu oleh pendapatan dalam Ekuiti & dana pelaburan saham dengan nilai sebanyak RM35.9 bilion (2022: RM48.9 bilion). Pada masa yang sama, pendapatan terhadap Faedah yang diterima daripada pelaburan di luar negara meningkat sebanyak RM0.3 bilion untuk merekodkan RM5.2 bilion (2022: RM4.9 bilion).








- Nota:
1. b merujuk kepada bilion
 2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
 3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

Pada akhir tahun 2023, kedudukan DIA Malaysia meningkat sebanyak RM57.6 bilion daripada RM606.8 bilion pada tahun sebelumnya untuk mencatatkan RM664.4 bilion. Ini terutamanya disokong oleh Ekuiti & dana pelaburan saham yang lebih tinggi RM462.7 bilion. Pada masa yang sama, kedudukan Instrumen hutang turut meningkat daripada RM191.8 bilion untuk merekodkan RM201.6 bilion.

DIA mengikut Sektor

Melihat ke dalam sektor utama bagi aliran keluar bersih DIA Malaysia, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai sebanyak RM34.5 bilion (**Paparan 3**), terutamanya oleh aktiviti Kewangan & insurans/takaful dan Utiliti. Sektor Perlombongan & pengkuarian berkurang sebanyak RM1.8 bilion untuk merekodkan aliran keluar bersih daripada RM7.3 bilion kepada RM5.5 bilion pada tahun 2023, kebanyakannya ke Kanada, Angola dan Belanda. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat marginal untuk merekodkan RM1.8 bilion.

Paparan 3: Nilai dan Sumbangan DIA mengikut Sektor, 2022 – 2023

	 Perkhidmatan	 Perlombongan & pengkuarian	 Pembinaan	 Pertanian	 Pembuatan
ALIRAN	-RM34.5b (2022: -RM46.5b)	-RM5.5b (2022: -RM7.3b)	-RM1.8b (2022: -RM1.8b)	-RM0.9b (2022: -RM1.3b)	RM2.1b (2022: -RM6.0b)
PENDAPATAN	RM23.9b (2022: RM26.5b)	RM10.7b (2022: RM17.7b)	RM1.2b (2022: RM1.2b)	RM3.2b (2022: RM3.8b)	RM2.1b (2022: RM4.5b)
KEDUDUKAN	RM461.1b (2022: RM411.3b)	RM80.5b (2022: RM76.0b)	RM12.8b (2022: RM11.5b)	RM50.0b (2022: RM48.6b)	RM60.0b (2022: RM59.4b)

- Nota:
1. b merujuk kepada bilion
 2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
 3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih
 4. Kedudukan sektor mengikut aliran keluar bersih

Dari segi pendapatan daripada DIA Malaysia, sektor Perkhidmatan mendahului dengan jumlah pendapatan sebanyak RM23.9 bilion, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian yang masing-masing mencatatkan RM10.7 bilion dan RM3.2 bilion.


Bagi kedudukan DIA, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar dalam tahun 2023 dengan sumbangan berjumlah RM461.1 bilion berbanding RM411.3 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya dalam aktiviti Kewangan & insurans/takaful. Ini diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian yang mencatatkan kedudukan sebanyak RM80.5 bilion dan sektor Pembuatan pada RM60.0 bilion.

DIA mengikut Rantau

Asia merupakan rantau terbesar bagi aliran keluar bersih DIA pada tahun 2023 dengan berjumlah sebanyak RM29.9 bilion, terutamanya ke Singapura (RM12.6 bilion) dan Indonesia (RM8.6 bilion). Ini diikuti oleh Amerika sebanyak RM7.5 bilion dan Eropah RM3.5 bilion seperti di **Paparan 4**. Negara penyumbang utama kepada aliran DIA adalah Singapura, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Pendapatan tertinggi dijana oleh rantau Asia dengan sumbangan sebanyak RM24.0 bilion, terutamanya dari Singapura, Indonesia dan Vietnam. Ini diikuti oleh Amerika sebanyak RM7.5 bilion dan Eropah RM4.4 bilion. Ketiga-tiga rantau ini menjana pendapatan berjumlah RM35.9 bilion.

Paparan 4: Nilai dan Sumbangan DIA mengikut Rantau, 2023



- Nota:
1. b merujuk kepada bilion
 2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
 3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih


Pada akhir tahun 2023, rantau Asia kekal mendahului rantau-rantau lain dengan kedudukan DIA sebanyak RM365.1 bilion, peningkatan daripada RM315.0 bilion pada tahun sebelumnya. Ini terutamanya didominasi oleh Singapura dan Indonesia. Amerika mengikut sebagai rantau kedua terbesar dengan nilai terkumpul sebanyak RM156.2 bilion dan Eropah pada RM127.9 bilion.

DIA mengikut Negara Dan Sektor Utama

Aliran keluar DIA Malaysia kebanyakannya disalurkan kepada Singapura dengan nilai sebanyak RM12.6 bilion daripada aliran keseluruhan, kebanyakannya dalam sektor Perkhidmatan (RM10.5 bilion) terutamanya dalam sub-sektor Utiliti. Ini diikuti oleh Indonesia pada RM8.6 bilion dan Amerika Syarikat pada RM3.3 bilion seperti ditunjukkan di dalam **Paparan 5**. Perkhidmatan turut merupakan sektor terbesar bagi aliran DIA ke Indonesia dan Amerika Syarikat dengan nilai masing-masing sebanyak RM7.3 bilion dan RM2.9 bilion.

Dalam masa yang sama, Singapura terus merekodkan kedudukan DIA tertinggi pada RM156.3 bilion pada tahun 2023, diikuti oleh Indonesia (RM70.6 bilion) dan Belanda (RM40.5 bilion). Sektor Perkhidmatan mendominasi kedudukan DIA dari Singapura (RM118.9 bilion) dan Indonesia (RM58.1 bilion), terutamanya daripada aktiviti Kewangan & insurans/takaful. Sementara itu, Pembuatan merupakan sektor penyumbang terbesar kepada kedudukan DIA Belanda dengan nilai sebanyak RM17.1 bilion.

Paparan 5: DIA mengikut Negara Utama dan Sektor, 2023




- Nota:
1. b merujuk kepada bilion
 2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
 3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA) PERFORMANCE

Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) registered a lower net outflow amounting to RM40.6 billion in 2023 as against RM62.8 billion in the preceding year. This was mainly contributed by a lower investment in Services and Mining and quarrying sectors. The overall DIA position increased to RM664.4 billion as compared to RM606.8 billion in 2022 while investment income decreased to RM41.1 billion (2022: RM53.7 billion).


Exhibit 1: DIA Performance for Year 2013 – 2023



DIA by Component

Equity & investment fund shares were the main components to DIA outflow in 2023 which amounted to RM43.1 billion, a decrease of RM15.0 billion from the previous year (**Exhibit 2**). This was contributed by capital injection abroad, mainly to Singapore, Indonesia and Ireland. Concurrently, Debt instruments turned around to a net inflow of RM2.5 billion (2022: RM4.8 billion) particularly from loan extension.

DIA income registered RM41.1 billion, mainly driven by income on Equity & investment fund shares with a value of RM35.9 billion (2022: RM48.9 billion). Meanwhile, income on interest received from investment abroad increased by RM0.3 billion to record RM5.2 billion (2022: RM4.9 billion).








- Notes:
1. b refers to billion
 2. % refers shares to total
 3. Negative value refers to net outflows

As at the end of 2023, Malaysia’s DIA position increased by RM57.6 billion from RM606.8 billion in the preceding year to register RM664.4 billion. This was mostly supported by the higher Equity & investment fund shares at RM462.7 billion. Simultaneously, Debt instruments position also increased from RM191.8 billion to record RM201.6 billion.

DIA by Sector

Looking into the main sectors for Malaysia's DIA net outflow, Services sector became the largest contributor with a value of RM34.5 billion (**Exhibit 3**) primarily in Financial & insurance/takaful activities and Utilities. The Mining & quarrying sector decreased by RM1.8 billion to record a net outflow from RM7.3 billion to RM5.5 billion in 2023, mostly to Canada, Angola and the Netherlands. Meanwhile, the Construction sector increased marginally to record RM1.8 billion.

Exhibit 3: Value and Share of DIA by Sector, 2022 – 2023

	 Services	 Mining & quarrying	 Construction	 Agriculture	 Manufacturing
FLOWS	-RM34.5b (2022: -RM46.5b)	-RM5.5b (2022: -RM7.3b)	-RM1.8b (2022: -RM1.8b)	-RM0.9b (2022: -RM1.3b)	RM2.1b (2022: -RM6.0b)
INCOME	RM23.9b (2022: RM26.5b)	RM10.7b (2022: RM17.7b)	RM1.2b (2022: RM1.2b)	RM3.2b (2022: RM3.8b)	RM2.1b (2022: RM4.5b)
POSITION	RM461.1b (2022: RM411.3b)	RM80.5b (2022: RM76.0b)	RM12.8b (2022: RM11.5b)	RM50.0b (2022: RM48.6b)	RM60.0b (2022: RM59.4b)

- Notes:
1. b refers to billion
 2. % refers shares to total
 3. Negative value refers to net outflows
 4. Sector ranked by net outflows

In terms of income from Malaysia's DIA, Services sector preceded with a total income of RM23.9 billion, followed by Mining & quarrying and Agriculture sectors which registered RM10.7 billion and RM3.2 billion, respectively.


As for DIA position, Services sector remained as the major contributor in 2023 amounting to RM461.1 billion as against RM411.3 billion in the preceding year, principally in Financial & insurance/takaful activities. This was followed by Mining & quarrying sector with a position of RM80.5 billion and Manufacturing sector at RM60.0 billion.

DIA by Region

Asia became the largest region for DIA net outflows in 2023, with a share of RM29.9 billion, notably to Singapore (RM12.6 billion) and Indonesia (RM8.6 billion). This was followed by the Americas at RM7.5 billion and Europe at RM3.5 billion as depicted in **Exhibit 4**. The main contributing countries to DIA outflows were Singapore, Indonesia and the United States of America (USA).

The highest income was generated by Asia amounting to RM24.0 billion, especially from Singapore, Indonesia and Viet Nam. This was followed by the Americas at RM7.5 billion and Europe at RM4.4 billion. These three regions generated a total income of RM35.9 billion.

Exhibit 4: Value and Share of DIA by Region, 2023



- Notes:
1. b refers to billion
 2. % refers shares to total
 3. Negative value refers to net outflows


As at the end of 2023, the Asia region remained ahead of other regions with DIA position of RM365.1 billion, an increase from RM315.0 billion in the previous year. This was mainly dominated by Singapore and Indonesia. Americas followed as the second largest region with an accumulated value of RM156.2 billion and Europe at RM127.9 billion.

DIA by Main Country and Sector

Malaysia's DIA outflows were mainly channelled into Singapore with a value of RM12.6 billion of total flows, mostly in the Services sector (RM10.5 billion) particularly in Utilities subsector. This was followed by Indonesia at RM8.6 billion and the USA at RM3.3 billion as depicted in **Exhibit 5**. Services was also the highest contributor of DIA flows to Indonesia and the USA with a value of RM7.3 billion and RM2.9 billion, respectively.

At the same time, Singapore continued to record the highest DIA position at RM156.3 billion in 2023, followed by Indonesia (RM70.6 billion) and the Netherlands (RM40.5 billion). Services sector dominated the DIA position to Singapore (RM118.9 billion) and Indonesia (RM58.1 billion), mostly from the Financial & insurance/takaful activities. Meanwhile, Manufacturing was the largest contributing sector to the Netherlands with a value of RM17.1 billion.

Exhibit 5: DIA by Main Country and Sector, 2023



- Notes:
1. b refers to billion
 2. % refers shares to total
 3. Negative value refers to net outflows

DIA 2023

**STATISTIK PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA
DI LUAR NEGERI**

STATISTICS OF MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD

ARTIKEL
ARTICLES

Dinamik Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) bagi Malaysia

Diyana Amalina Mat Zelan¹; Siti Sarah Che Dan²

^{1,2} Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Sebagai pemain utama dalam landskap ekonomi Asia Tenggara, Malaysia terus melebarkan kehadirannya di peringkat global melalui Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA). Dalam era globalisasi, inisiatif DIA Malaysia telah muncul sebagai pendorong penting pembangunan ekonomi negara. Tren ini menekankan bukan sahaja ketersediaan syarikat-syarikat Malaysia untuk meluaskan perniagaan melintasi sempadan dan berinteraksi dengan pasaran antarabangsa, tetapi juga menandakan langkah strategik menuju pencapaian kepelbagaian ekonomi dan kestabilan di peringkat global. Dalam konteks menilai pertumbuhan ekonomi, DIA berperanan sebagai metrik penting, selaras dengan pandangan yang diperhatikan di negara-negara seperti yang disebut oleh Agnihotri & Arora, 2019. Secara teori, DIA juga melibatkan pelaburan di luar negeri dengan matlamat mencari kecekapan, sumber, pasaran, dan aset strategik (Dunning, 1993). Artikel ini menyelidiki dinamik DIA Malaysia, mendedahkan evolusi sejarahnya, landskap semasa, serta melihat cabaran, peluang, dan impak yang mendalam terhadap ekonomi negara.

Konteks Sejarah DIA

Perjalanan Malaysia ke dalam penglibatan ekonomi antarabangsa bermula dengan perubahan dasar strategik dan reformasi ekonomi progresif. Melalui peralihan dari ekonomi yang berorientasikan eksport, Malaysia kini menggalakkan pelaburan luar negeri secara aktif. Pada awal tahun 1990-an, Malaysia memasuki era perubahan penting dalam pendekatannya terhadap ekonomi. Sebelum itu, tumpuan utama negara adalah dalam pembangunan ekonomi domestik dengan penekanan khusus kepada sektor industri, terutamanya dalam pembuatan dan eksport. Walau bagaimanapun, Malaysia telah mengubah paradigma pelaburannya dengan terlibat dalam Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA), selaras dengan usaha kerajaan dalam kepelbagaian strateginya dan mengejar peluang baharu ekonomi antarabangsa.

Pertumbuhan pesat DIA penting dalam transformasi ekonomi Malaysia. Keperluan untuk mencari sumber bahan mentah yang lebih baik, pasaran baru, dan peluang pelaburan mendorong syarikat-syarikat Malaysia untuk secara aktif melintasi sempadan, terlibat dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan, hartanah, pembuatan, dan perbankan. Pada masa yang sama, data menunjukkan kedudukan Malaysia telah meningkat dari kedudukan ke-11 kepada ke-10 di antara 15 ekonomi membangun teratas dari segi stok DIA antara tahun 1980 dan 2013 (UNCTADSTAT 2014). Walau bagaimanapun, aliran keluar modal Malaysia melebihi aliran masuk selepas tahun 2007, menjadikan Malaysia sebagai pengeksport modal bersih (Goh dan Wong, 2011). Fenomena ini


menandakan evolusi dinamik dalam landskap pelaburan asing Malaysia, yang memberi kesan besar terhadap kedudukan ekonomi global negara ini.

Landskap Semasa DIA

Dalam landskap semasa DIA, perubahan dinamik yang ketara berlaku seiring dengan pengembangan pesat globalisasi ekonomi. Syarikat-syarikat Malaysia yang pada mulanya memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi domestik, kini melangkah lebih jauh ke peringkat antarabangsa dalam mencari peluang dan pertumbuhan baru. Landskap ini mencerminkan transformasi strategik dalam pendekatan ekonomi, di mana syarikat-syarikat tidak lagi terikat oleh sempadan geografi, tetapi sebaliknya terlibat dalam pelaburan antarabangsa sebagai elemen penting bagi strategi pertumbuhan mereka. Kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ini dengan melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif yang bertujuan untuk memudahkan, menyokong, dan mengukuhkan akses syarikat-syarikat ke pasaran global.

Bahagian Pelaburan Rentas Sempadan (CBI) di bawah Kementerian Perdagangan, Pelaburan dan Industri (MITI) berperanan dalam pelaburan yang merentasi sempadan antara negara, mewakili evolusi semulajadi bagi negara-negara yang telah membangun secara ekonomi. Kepentingannya terletak dalam memperluas jaringan perniagaan dan memajukan pertumbuhan pasaran. Syarikat-syarikat Malaysia didorong untuk meneroka di luar sempadan bagi meningkatkan syer pasaran, meraih peluang pelaburan baharu, dan meningkatkan kehadiran global. Kerajaan Malaysia secara konsisten menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk mencari peluang di luar negara, memudahkan pengembangan pasaran, penerimaan teknologi, dan integrasi ke dalam rangkaian pengeluaran global melalui CBI (MIDA, 2023).

Carta 1a: Aliran DIA dan FDI Malaysia dan Sumbangan terhadap KDNK, 2013-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pada tahun 2022, DIA dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) masing-masing merekodkan 3.5 peratus dan 4.2 peratus terhadap KDNK Malaysia. Walaubagaimanapun, pada tahun 2023 sumbangan DIA dan FDI terhadap KDNK Malaysia adalah menurun kepada 2.2 peratus. Sebaliknya, pada tahun 2013, FDI menyumbang 3.7 peratus daripada KDNK Malaysia, manakala DIA mencatatkan kadar lebih tinggi sebanyak 4.4 peratus (Carta 1a).

Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam Statistik Pelaburan Langsung Luar Negeri Malaysia 2023 menunjukkan bahawa trend DIA di Malaysia tertumpu dalam sektor perkhidmatan dari tahun 2013-2023, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan (Carta 1b).


Carta 1b: Aliran DIA Malaysia mengikut Sektor, 2013-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Seperti yang digambarkan dalam Paparan 1, sektor perkhidmatan khususnya dalam aktiviti Kewangan muncul sebagai penyumbang utama kepada aliran dan stok DIA Malaysia pada tahun 2023, masing-masing dengan RM34.5b (sumbangan: 84.9%) dan RM461.1b (sumbangan: 69.4%). Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan kejayaan pembangunan ekonomi domestik telah memudahkan peluang untuk pelaburan luar negeri.


Paparan 1: Nilai dan Sumbangan DIA mengikut Sektor, 2022 – 2023

	 Perkhidmatan	 Perlombongan & pengkuarian	 Pembinaan	 Pertanian	 Pembuatan
ALIRAN	-RM34.5b (2022: -RM46.5b)	-RM5.5b (2022: -RM7.3b)	-RM1.8b (2022: -RM1.8b)	-RM0.9b (2022: -RM1.3b)	RM2.1b (2022: -RM6.0b)
PENDAPATAN	RM23.9b (2022: RM26.5b)	RM10.7b (2022: RM17.7b)	RM1.2b (2022: RM1.2b)	RM3.2b (2022: RM3.8b)	RM2.1b (2022: RM4.5b)
KEDUDUKAN	RM461.1b (2022: RM411.3b)	RM80.5b (2022: RM76.0b)	RM12.8b (2022: RM11.5b)	RM50.0b (2022: RM48.6b)	RM60.0b (2022: RM59.4b)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

- Nota: 1. b merujuk kepada bilion
 2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
 3. Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih
 4. Kedudukan sektor mengikut aliran keluar bersih

Carta 1c: Prestasi DIA Malaysia, 2013 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Carta 1c ini menggambarkan prestasi DIA Malaysia dari tahun 2013 hingga 2023. Pada tahun 2023, DIA telah menunjukkan penurunan bagi aliran keluar bersih dengan merekodkan RM40.6 bilion berbanding RM62.8 bilion bagi tahun sebelumnya dan pendapatan pelaburan juga berlaku penurunan kepada RM41.1 bilion (2022: RM53.7 bilion). Penurunan ini terutamanya disebabkan

oleh pengurangan pelaburan dalam sektor Perkhidmatan, Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan. Selepas tahun 2021, Sektor Perkhidmatan telah mendahului Pembuatan sebagai sektor penting kepada DIA, menyumbang 85.0 peratus daripada jumlah pelaburan, terutamanya dalam aktiviti Kewangan & insurans / takaful. Singapura, Indonesia, dan Amerika Syarikat adalah destinasi utama aliran DIA pada tahun 2023.

Secara keseluruhan, pelaburan yang terkumpul di luar negeri melonjak kepada RM664.4 bilion terutamanya dalam sektor Perkhidmatan, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan. Singapura, Indonesia, dan Belanda menduduki tempat teratas sebagai destinasi utama kedudukan DIA pada tahun 2023.

Dari segi pendapatan, DIA mencatatkan nilai sebanyak RM41.1 bilion yang didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian dengan syer sebanyak 84.2 peratus daripada pendapatan keseluruhan.


Aliran DIA Malaysia terus menunjukkan trend yang mampan, dengan syarikat-syarikat tempatan yang semakin mengeksplorasi peluang di pasaran antarabangsa. Trend ini tidak hanya membabitkan sektor tertentu, tetapi juga melibatkan diversifikasi ke sektor-sektor yang berkaitan dengan teknologi tinggi, perkhidmatan kewangan, dan sumber asli, memberikan kejelasan terhadap kewujudan pelbagai portfolio pelaburan Malaysia di seluruh dunia. Selepas krisis pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020, trend pelaburan langsung ke luar negeri Malaysia mengalami dinamika yang mencerminkan ketahanan dan adaptasi syarikat-syarikat tempatan terhadap landskap ekonomi yang terjejas. Terutama dengan pembukaan Stesen Jana Kuasa Battersea pada 14 Oktober 2022, di United Kingdom menandakan kejayaan pelaburan pasca-pandemik Malaysia. Dibangunkan oleh konsortium Malaysia yang memperoleh aset komersial Stesen Jana Kuasa berjumlah RM8.197 bilion, upacara pembukaan itu melambangkan kejayaan pelaburan Malaysia di luar negeri selepas pandemik.

Dalam cabaran persekitaran ekonomi global yang melanda disebabkan oleh pandemik, terdapat penunjuk yang menarik yang mencerminkan kepelbagaian dalam reaksi syarikat-syarikat Malaysia terhadap ketidakpastian global. Selari dengan kajian dari Bank Negara Malaysia yang bertajuk Daya Tahan Perdagangan Malaysia, Selepas pelonggaran sekatan COVID-19, ekonomi Malaysia mengalami pemulihan yang kukuh dengan pertumbuhan eksport yang mendominasi pelbagai sektor. Pemulihan merentas produk menunjukkan kestabilan dan kepelbagaian dalam prestasi ekonomi, sementara pencapaian luar biasa dalam beberapa produk, terutamanya dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E), yang menyumbang lebih satu pertiga daripada eksport, memberikan daya penggerak utama kepada pemulihan. Selain itu, pemulihan harga komoditi juga memberikan sokongan tambahan kepada eksport berkaitan komoditi, sementara hubungan yang positif dengan pemulihan ekonomi serantau menunjukkan peranan Malaysia dalam landskap perdagangan antarabangsa yang semakin stabil dan berkembang.

Secara keseluruhan, DIA memperlihatkan syarikat-syarikat Malaysia menyesuaikan strategi pelaburan mereka untuk mengemudi cabaran semasa dan meneroka peluang baharu. Prestasi semasa DIA tidak hanya menunjukkan kecekapan syarikat-syarikat Malaysia dalam tindak balas senario ekonomi global yang berubah-ubah, tetapi juga menyumbang secara positif kepada kebangkitan ekonomi negara dan memperkukuh objektif pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pulangan Dalam Pelaburan (ROI)

Carta 1d: Pulangan dalam pelaburan (ROI) untuk DIA dan FDI Malaysia, 2013-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Setelah pandemik COVID-19 mereda dan ekonomi global perlahan-lahan pulih dari kesannya, analisis lanjut terhadap pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan pada tahun 2023 menunjukkan bahawa pelabur FDI dan DIA terus mengalami pulangan yang tinggi daripada pelaburannya. Secara purata, pulangan pelaburan bagi syarikat FDI pada tahun 2023 sedikit berkurang kepada 10 sen daripada 12 sen pada tahun 2022 untuk setiap RM1 pelaburan dan manakala, syarikat-syarikat Malaysia menerima enam sen untuk setiap RM1 pelaburan yang dibuat di luar negeri (Carta 1d).

Sektor pembuatan mencapai pendapatan tertinggi daripada FDI, manakala sektor perkhidmatan mendapat pendapatan tertinggi daripada DIA. Kadar pulangan pelaburan bagi FDI adalah lebih tinggi daripada DIA, terutamanya disebabkan oleh keuntungan yang lebih tinggi bagi syarikat-syarikat FDI di Malaysia. Syarikat-syarikat ini terutamanya terlibat dalam industri elektrik & elektronik, kewangan, kesihatan, logam, dan petrokimia, yang memberikan keuntungan yang lebih besar.

Cabaran dan Peluang

Pelaburan langsung ke luar negeri oleh syarikat Malaysia membawa bersama cabaran-cabaran yang perlu ditangani secara berhemat. Ketidakpastian politik dan ekonomi di negara luar akan mencipta ketidakpastian yang serius, terutama jika terdapat perubahan landskap politik yang kerap. Selain itu, perubahan dalam dasar dan regulasi di negara tersebut juga boleh memberi kesan signifikan terhadap keuntungan dan operasi perniagaan. Risiko tukaran mata wang adalah cabaran lain yang perlu diuruskan dengan cermat, memerlukan strategi pengurusan risiko yang efektif bagi melindungi nilai pelaburan daripada turun naik mata wang. Selain itu, kepelbagaian pasaran, yang mencakupi perbezaan budaya dan ciri-ciri unik setiap pasaran, menuntut pelabur untuk melakukan penyelidikan menyeluruh dan memahami perbezaan tersebut bagi menyusun strategi perniagaan yang berjaya dan relevan di peringkat antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, DIA juga boleh membawa pelbagai peluang yang mampu meningkatkan kehadiran syarikat Malaysia di pasaran global. Ini termasuklah akses kepada pasaran yang lebih luas, membolehkan syarikat mengeksplorasi dan memperluas pasaran mereka. Selain itu, penerokaan pasaran luar negara juga membuka peluang untuk memperoleh teknologi dan inovasi terkini, yang secara keseluruhan memperkukuh daya saing dan ketangkasan operasi perniagaan. Dalam konteks ini juga, DIA mampu membantu syarikat mencapai keseimbangan yang diperlukan dalam portfolio pelaburan mereka sekiranya berlaku ketidakstabilan pasaran di Malaysia dan memanfaatkan peluang untuk pertumbuhan yang mampan.

Masa hadapan DIA Malaysia menjanjikan pelbagai cabaran dan peluang. Dalam konteks ini, strategi Malaysia untuk menghadapi pasaran global yang tidak menentu memerlukan kebolehsuaian dan berdaya tahan. Pelbagai sektor pelaburan, seperti teknologi dan kerjasama antarabangsa, mungkin menyaksikan pertumbuhan baharu. Tinjauan masa hadapan turut menekankan kepentingan kepelbagaian portofolio pelaburan untuk menangani risiko pasaran yang sentiasa berubah-ubah. Adalah penting untuk memastikan bahawa pelaburan ke arah luar negeri mendukung kesinambungan dan menjana manfaat bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga sosial dan alam sekitar.

Menurut satu petikan berita dari TheStar (Januari 2024), Perdana Menteri Malaysia telah menggesa syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) untuk mengurangkan pelaburan di luar negeri dan meningkatkan pelaburan domestik. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia memberi fleksibiliti kepada GLCs dan GLICs untuk membuat pelaburan di luar negeri jika diperlukan. Perdana Menteri juga telah meminta Kementerian Kewangan dan Pantau MADANI untuk menyelaraskan usaha agar GLICs dan GLCs melaksanakan pelaburan strategik selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pelaburan langsung di luar negeri telah muncul sebagai pemangkin penting bagi kemajuan ekonomi negara dan impak antarabangsa. Syarikat-syarikat Malaysia, mengatasi rintangan dan memanfaatkan peluang, terus membuat kesan yang berkekalan di arena global, diperkuat dengan sokongan strategik kerajaan.

Penafian

Pendapat yang dinyatakan adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mencerminkan pendapat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Rujukan

- Agnihotri, A.; Arora, S. Study of Linkages Between Outward Foreign Direct Investment (OFDI) and Domestic Economic Growth: An Indian Perspective. *Financ. Mark. Inst. Risks* **2019**, *3*, 43–49.
- Astro Awani (2022). Kerjasama Petronas-ADNOC pamer keupayaan syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kerjasama-petronasadnoc-pamer-keupayaan-syarikat-malaysia-di-peringkat-antarabangsa-395335>
- Bank Negara Malaysia, Buletin Suku Tahunan (2022). Daya Tahan Perdagangan Malaysia dalam Era Selepas Pandemik. Diambil daripada https://www.bnm.gov.my/documents/20124/7923034/ba1_bm.pdf
- Bernama (2022). Pelaburan Asing Bersih Ke Malaysia Berjumlah Rm48.1 Bilion Pada 2021, tertinggi sejak 2016. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pelaburan-asing-bersih-ke-malaysia-berjumlah-rm481-bilion-pada-2021-tertinggi-sejak-2016-dosm-366823>
- Berita Harian (2023). Malaysia terima pelaburan asing lebih besar. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/02/1062358/malaysia-terima-pelaburan-asing-lebih-besar>
- Dunning, J. 1993. The theory of transnational corporation. New York: Routledge.
- Expanding Horizons: *Empowering Malaysian Companies Through Cross Border Investment*. Diambil daripada <https://www.mida.gov.my/expanding-horizons-empowering-malaysian-companies-through-cross-border-investment/>
- Goh, S.K. and Wong, K.N. 2011. Malaysia's outward FDI: The effects of market size and government policy, *Journal of Policy Modeling*, *33*(3), 497-510.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA)*. Putrajaya: Penerbitan Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia (FDI)*. Putrajaya: Penerbitan Malaysia
- Loke Po Ling, Sarah Syamimi Mohd Suhaimi (2017). Kajian Kes Terhadap MNC Terpilih (Buletin Suku Tahunan Bank Negara Malaysia)
- New Straits Times, N. (2023, August). *Six Malaysian companies make it to Forbes Asia's 100 to watch 2023*. Diambil daripada <https://www.nst.com.my/business/2023/08/948587/six-malaysian-companies-make-it-forbes-asias-100-watch-2023>
- Tham, S. Y. 2007. Outward foreign direct investment from Malaysia: An exploratory study. 5, 44-72.
- TheStar (2024). *Prime Minister urges GLICs, GLCs to reduce overseas investments and focus more on domestic market*. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/01/09/pm-urges-glics-glcs-to-reduce-overseas-investments-and-focus-more-on-domestic-market>
- Utusan Malaysia (2020). TNB kuasai syarikat solar UK. Diambil daripada <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020/09/tnb-kuasai-syarikat-solar-uk/>
- UNCTAD 2014. World Investment Report 2014: FDI from Developing and Transition Economies: Implications for Development. Geneva: UNCTAD.

The Dynamics of Direct Investment Abroad (DIA) for Malaysia

Diyana Amalina Mat Zelan¹; Siti Sarah Che Dan²

^{1,2} Balance of Payments Statistics Division, Department of Statistics Malaysia

Introduction

As a significant player in Southeast Asia's economic landscape, Malaysia continues to assert its global presence through Direct Investment Abroad (DIA). In the era of globalisation, Malaysia's DIA initiatives have emerged as pivotal drivers of the nation's economic development. This trend underscores not only Malaysian companies' readiness to expand across borders and engage with international markets but also signifies a strategic move towards achieving economic diversification and stability. In the context of assessing economic growth, DIA serves as a crucial metric, aligning with perspectives observed in countries as mentioned by Agnihotri & Arora, 2019. Theoretically, DIA also involves investment abroad with the goal of finding efficiency, resources, markets, and strategic assets (Dunning, 1993). This article explores the intricacies of Malaysia's DIA dynamics, unravelling its historical evolution, current landscape, while also addressing challenges, opportunities, and profound impacts on the nation's economy.

Historical Context of DIA

Malaysia's journey into international economic engagement begins with a strategic policy shift and progressive economic reforms. Transitioning from an export-focused economy, Malaysia now actively encouraging overseas investment. In the early 1990s, Malaysia entered an era of significant changes in its economic approach. Prior to that, the main focus of the country lay in the development of the domestic economy with a special emphasis on the industrial sector, notably in manufacturing and exports. However, Malaysia has since shifted its investment paradigm by engaging in DIA, aligning with the government's drive to diversify its strategy and pursue new international economic opportunities.


The rapid growth in DIA is an important part of Malaysia's economic transformation. The need to find better sources of raw materials, new markets, and investment opportunities encourages Malaysian companies to actively cross borders, engaging in various sectors such as services, real estate, manufacturing, and banking. Concurrently, data indicates that Malaysia ascended from the 11th to the 10th position among the top 15 developing economies in terms of DIA stocks between 1980 and 2013 (UNCTADSTAT 2014). However, Malaysian capital outflows surpassed inflows after 2007, rendering Malaysia a net capital exporter (Goh and Wong, 2011). This phenomenon signifies a dynamic evolution in Malaysia's foreign investment landscape, significantly influencing the nation's global economic stature.

DIA's Current Landscape

In the current landscape of the DIA, notable dynamic shifts are occurring alongside the rapid expansion of economic globalisation. This landscape reflects a strategic transformation in the economic approach, where companies are no longer bound by geographical boundaries, but instead engage in international investment as an important element of their growth strategies. The Malaysian government plays a pivotal role in shaping this landscape, implementing various policies and initiatives aimed at facilitating, supporting, and bolstering companies' access to global markets.

The Cross-Border Investment (CBI) Division under Ministry of Trade, Investment and Industry (MITI) serves as the function of investment spanning across borders between countries, representing a natural evolution for economically developed nations. Its significance lies in expanding business horizons and fostering market growth. Malaysian companies are urged to explore beyond borders to enhance market share, seize new investment prospects, and elevate global presence. The Malaysian Government consistently advocates for Malaysian companies to venture abroad, facilitating market expansion, technological acquisitions, and integration into the global production network through CBI. (MIDA, 2023)

Chart 1a: Malaysia's DIA and FDI of flow and Contribution to GDP, 2013-2023




Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

